



SIKAP DAN KEMAHIRAN GURU BAHASA TAMIL TERHADAP PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI DALAM PDPC



TAMILMULLAI THANNIMALAI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



**SIKAP DAN KEMAHIRAN GURU BAHASA TAMIL TERHADAP
PENGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
DALAM PDPC**

TAMILMULLAI THANNIMALAI

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2022




Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada08(hari bulan)Februari(bulan) 20.....22

i. Perakuan pelajar :

Saya, Tamilmullai Thannimalai, P20172001627, Fakulti Bahasa dan Komunikasi (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Sikap dan Kemahiran Guru Bahasa Tamil Terhadap Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam PDPC

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr. Karthees a/l Ponniah (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Sikap dan Kemahiran Guru Bahasa Tamil Terhadap Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam PDPC

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Sikap dan Kemahiran Guru Bahasa Tamil Terhadap
Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam PDPC

No. Matrik / Matric's No.: P20172001627

Saya / I : Tamilmullai Thannimalai

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Ellaam Valla Iyarkkai Paramporule. Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran kepada Tuhan Yang Maha Esa, kerana atas limpah dan kurniaNya, maka dapat saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr.Kartheiges Ponniah, selaku penyelia saya atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan serta tunjuk ajar yang diberikan yang banyak membantu ke arah kejayaan penghasilan tesis ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya bukan sekadar menjadi seorang penyelidik malah menjadikan saya seorang pendidik yang baik.

Tidak dilupakan kepada barisan pensyarah dan staf teknikal di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang sudi berkongsi banyak maklumat dan pengetahuan mereka sepanjang pengajian ini. Segala tunjuk ajar mereka telah membantu saya menyiapkan tesis ini secara teratur.

Terima kasih juga kepada pihak sekolah-sekolah Tamil negeri Selangor, Kementerian Pelajaran Malaysia dan tenaga pengajar matapelajaran bahasa Tamil peringkat sekolah rendah negeri Selangor atas sokongan penuh dalam menyiapkan kerja lapangan dan proses pengumpulan data.

Ribuan terima kasih kepada ibubapa saya Encik M.Thannimalai dan Puan M.Chellamma yang sentiasa dalam kenangan saya serta mak mertua yang saya hormati, Puan M.Pathmini Rajangom, yang sentiasa memberi sokongan moral, kasih sayang, perhatian, ruang dan keselesaan yang amat saya perlukan. Ucapan terima kasih kepada suami tersayang, Encik Mageswaran Rajangom dan ketiga-tiga anak Velventhar, Yaallventhar dan Thamilventar yang menjadi inspirasi untuk saya melanjutkan pengajian saya ke peringkat doktor falsafah atas kesabaran, sokongan, bantuan, toleransi, cinta dan doa kalian, pada sepanjang tempoh pengajian saya sehingga tesis dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan saya ingati sepanjang hayat ini.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan, cadangan dan bantuan dalam apa jua cara dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.





ABSTRAK

Kajian ini dilakukan dalam usaha mengetahui sikap dan kemahiran guru bahasa Tamil terhadap penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc). Sikap dan kemahiran guru dikaji menggunakan modal penerimaan teknologi (TAM). Faktor kebergunaan dan faktor kemudahan dalam usaha untuk menentukan faktor sebenar yang mempengaruhi guru bahasa Tamil terhadap penggunaan TMK dalam PdPc bahasa Tamil digunakan sebagai pemboleh ubah kajian ini. Kajian ini menggunakan kaedah campuran iaitu kualitatif dan kuantitatif yang melibatkan dua instrumen iaitu temuduga berstruktur dan soal selidik. Kajian ini melibatkan 96 sekolah Tamil di Negeri Selangor dan sejumlah 260 guru bahasa Tamil mengambil bahagian dalam kajian ini. Data yang di peroleh melalui soal selidik telah dinilai dengan menggunakan perisian SPSS manakala data temuduga berstruktur dirumus dan didokumentasikan mengikut kronologi menggunakan perisian NVIVO. Dapatan temuduga merumuskan kerjasama murid, ibubapa, guru, pentadbir, PIBG dan sokongan penuh KPM telah meningkatkan semangat guru bahasa Tamil dalam menggunakan TMK untuk mengajar bahasa Tamil di dalam kelas. Dapatan analisis SPSS menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikasi antara guru di bandar dan di luar bandar terhadap penggunaan TMK dalam PdPc bahasa Tamil. Hasil analisis turut menunjukkan bahawa Tanggapan Kebergunaan (TK) mempunyai pengaruh tinggi terhadap Sikap Guru (SG) dalam penggunaan TMK. Hal ini dapat dilihat daripada hasil analisis regresi yang menunjukkan nilai F untuk TK ialah 11.433 dan Tanggapan Mudah Guna (TMG) hanya 1.356. Oleh yang demikian, kajian ini merumus bahawa TK mempengaruhi SG sebanyak 11.34% berbanding TMG hanya mempengaruhi SG sebanyak 1.35%. Berlandaskan dapatan kajian, kerangka panduan kompeten menyeluruh dihasilkan untuk digunakan sebagai panduan semasa PdPc Bahasa Tamil dijalankan di dalam kelas. Kerangka panduan kompeten menyeluruh ini berpotensi untuk dijadikan sebagai panduan memperluaskan penggunaan TMK semasa PdPc bahasa Tamil dijalankan di SJKT. Melalui kajian ini, satu budaya penggunaan TMK yang mantap diterapkan dalam proses PdPc bahasa Tamil di SJKT bandar dan luar bandar yang boleh dijadikan amalan pelbagai pihak yang berkepentingan.



ATTITUDES AND SKILLS OF TAMIL LANGUAGE TEACHERS ON THE USE OF INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY IN PDPC

ABSTRACT

This study was conducted to investigate the attitudes and skills of Tamil language teachers on the use of information and communication technology in pdpc. To explore the objectives, this study employed the Technology Acceptance Model (TAM) introduced by Fred Davis. From this model, two variables were used: perceived usefulness and perceived ease of use in the effort to determine the real factor that influences Tamil language teachers on using information and communication technology in the Tamil language pdpc. Two methods were employed in the data collection: structured interview and questionnaire. There were 96 Tamil schools from Selangor were involved and a total of 260 Tamil language teachers participated in this study. The data collected from the questionnaire was analysed using *Statistical Package for the Social Sciences*, (SPSS) while the observation and structured interview were analysed and documented according to their relevance to the research objectives. The findings of the study indicate that there is a significant relationship between urban and rural teachers on the use of Information and Communication Technology (ICT) in Tamil PdPc. The results of the analysis show that Perception of Usefulness (TK) has a high influence on (SG) teachers' attitudes in the use of ICT in Tamil PdPc classes. This can be seen from the results of regression analysis which showed that the value of F for (TK) is 11.433 and (TMG) is only 1.356. Therefore this study concludes that (TK) influences (SG) teacher attitudes by 11.34% compared to (TMG) only influences (SG) teacher attitudes by 1.35%. Based on the findings, a comprehensive competent guidance framework was developed to be used as a guide in the PdPc of the Tamil language in the classroom. This comprehensive competent guidance framework has the potential to serve as a guide to expand the use of ICT during the PdPc of the Tamil language in Tamil schools. Through this study, a strong culture in the use of ICT in the PdPc process of Tamil language is applied in urban and rural SJK(T) that can be practiced by various stakeholders.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii

**BAB 1 PENGENALAN**

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	11
1.4	Objektif Kajian	26
1.5	Persoalan Kajian	28
1.6	Null hipotesiss Kajian	29
1.7	Kepentingan Kajian	33
1.8	Batasan Kajian	33
1.9	Kerangka Teori Kajian	35
1.10	Definisi Operational	36
1.10.1	Guru	36
1.10.2	Alat Bantu Mengajar (ABM)	37



1.10.3	Teknologi Maklumat dan Komunikasi	37
1.10.4	Sikap	37
1.10.5	Tingkah Laku	37
1.10.6	Tanggapan Kebergunaan (TK)	38
1.10.7	Tanggapan Mudah Guna (TMG)	38
1.11	Kesimpulan	38

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	39
2.2	Latar Belakang Teknologi Maklumat dan Komunikasi	39
2.3	Kegunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	42
2.4	Asal Usul Kegunaan Komputer dalam Pendidikan Malaysia	46
2.4.1	Integrasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam PdPc dalam Konteks Malaysia	50
2.5	Tahap Penerimaan Guru dalam Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam PdPc	53
2.6	Pendekatan yang Mempengaruhi Pengajaran Bahasa dengan Menggunakan Komputer	58
2.7	Faktor yang Menyumbang Kepada Penggunaan TMK dalam Pengajaran	59
2.7.1	Kebergunaan (Perceived Usefulness, PU)	61
2.7.2	Kemudahangunaan (Perceived Ease of Use, PEOU)	50
2.8	Faktor yang Mempengaruhi Sikap Guru Terhadap Komputer	63
2.9	Faktor Luaran	64
2.10	Faktor Dalaman	66
2.11	Peluang Melaksanakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam PdPc di Sekolah Tamil	68
2.12	Cabaran Dalam Menggunakan TMK Dalam PdPc	71

2.12.1	Akses Terhad dan Sambungan Rangkaian	71
2.12.2	Kurangnya Latihan yang berkesan	75
2.12.3	Masa Terhad	78
2.12.4	Kekurangan Kecekapan Guru	79
2.13	Kepercayaan Guru Sekolah Tamil terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Teknologi	80
2.14	Penerimaan Guru Menggunakan TMK dalam Mengajar Bahasa Tamil	83
2.15	Kesan Kegunaan TMK kepada Murid Sekolah	88
2.16	Impak kegunaan TMK di Sekolah	91
2.17	Bagaimanakah Penggunaan TMK membantu meningkatkan kualiti pendidikan?	93
2.18	Empat Pendekatan Pembangunan TMK di Peringkat Sekolah	97
2.18.1	Muncul Pendekatan Baru	98
2.18.2	Pendekatan yang diterapkan	99
2.18.3	Pendekatan Rangkaian Teknologi	100
2.18.4	Pendekatan Transformasi	102
2.19	Pengenalan Subjek Bahasa Tamil	103
2.20	Reformasi Pendidikan Negara	104
2.21	Inisiatif Kurikulum (KBSR) dalam Bahasa Tamil	109
2.22	Cabaran Sosio-Ekonomi dan Realiti Kecekapan Pegajaran	111
2.23	Visi 2020 dan Inisiatif Program Smart School	113
2.24	Inisiatif Kurikulum Berdasarkan Kajian Primari Sekolah Baharu	115
2.25	Sosialisasi Pelajar ke dalam Pembelajaran Bahasa Tamil	117
2.26	Rumusan Kajian Mengenai Sekolah Tamil dan TMK	120
2.27	Justifikasi / Kepentingan Memilih Kajian Ini	122

2.28	Kesimpulan	124
------	------------	-----

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	125
3.2	Reka Bentuk Kajian	126
3.2.1	Penyelidikan Kaedah Campuran	128
3.3	Sampel Kajian	134
3.4	Instrumen Kajian	136
3.4.1	Soal Selidik	136
3.4.1.1	Pembinaan Struktur Soal Selidik	138
3.4.1.2	Kaedah Analisa Data Borang Soal Selidik	139
3.4.2	Temu Bual Berstruktur	140
3.4.2.1	Tumpuan Kumpulan Fokus	141
3.4.2.2	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	143
3.5	Kajian Rintis	144
3.6	Prosedur Kajian	145
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	150
3.7.1	Pertimbangan Etika	150
3.7.2	Kebenaran	150
3.7.3	Privasi Responden	151
3.7.4	Penyertaan Sukarela	151
3.8	Teknik Menganalisis data Soal Selidik	152
3.8.1	Analisis Deskriptif untuk Borang Soal Selidik	152
3.8.2	Analisis Faktor	152
3.8.3	Membina Kesahan	153
3.8.4	Kesahan Konvergen	153

3.8.5	Kesahihan Diskriminasi	154
3.8.6	Goodness-of-fit	154
3.8.7	Analisis Kebolehpercayaan	154
3.8.8	Menganalisis Data Temubual Berstruktur	155
3.8.9	Kaedah Pengumpulan Data Kajian	156
3.8.10	Kaedah Mengumpulkan Data Temubual Berstruktur	156
3.9	Pengkodan Data	158
3.10	Kesimpulan	159

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	160
4.2	Analisis Deskriptif	161
4.3	Analisa Data Antara Guru di Bandar dan di Luar Bandar	168
4.3.1	Guru Di Bandar	169
4.3.2	Guru di Luar Bandar	173
4.4	Analisis Faktor	177
4.5	Analisis Relibiliti	179
4.6	Analisis Korelasi	180
4.7	Analisis Regressi	182
4.8	Diskusi dapatan Kajian	195
4.9	Rumusan Analisis Kualitatif	197
4.9.1	Strategi Pengumpulan Maklumat Temu bual	197
4.9.2	Rumusan hasil temu bual kajian untuk setiap soalan temu bual	198
4.10	Kesimpulan	215

BAB 5PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	216
5.2	Diskusi Keputusan Hypothesis	217
5.3	Diskusi Null hipotesiss Kajian	218
5.4	Rumusan Keseluruhan Hasil Kajian	248
5.5	Sumbangan Praktikal	250
5.6	Konklusi	251
5.7	Cadangan Kajian	252
5.8	Kesimpulan	258
	RUJUKAN	260
	LAMPIRAN	291

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Jumlah sekolah Tamil di seluruh Malaysia	8
1.2 Jumlah sekolah Tamil di Negeri Selangor	8
1.3 Rumusan keputusan SSQS kluster untuk sekolah terpilih	10
2.1 Rumusan Kajian Master dan Phd	119
2.2 Rumusan Kajian Mengenai Sekolah Tamil dan TMK dari tahun 2017-2020	120
3.1 Maklumat Borang Soal Selidik	137
4.1 Rumusan Jantina	161
4.2 Rumusan Umur	162
4.3 Rumusan Pengalaman Mengajar	163
4.4 Rumusan Kawasan Sekolah	164
4.5 Rumusan Kaedah Pengajaran	164
4.6 Rumusan Kemampuan Mengendalikan TMK	165
4.7 Rumusan Jenis Perisian Yang Digunakan Dalam PdPc	166
4.8 Kaedah Pengajaran oleh guru di Bandar	169
4.9 Kemampuan Mengendalikan TMK oleh guru di Bandar	170
4.10 Jenis perisian digunakan dalam PdPc oleh guru di bandar	171
4.11 Pengalaman Mengajar oleh guru di bandar	172
4.12 Kaedah Pengajaran oleh guru di luar bandar	173
4.13 Kemampuan Mengendalikan TMK oleh guru di luar bandar	174
4.14 Jenis perisian digunakan dalam PdPc oleh guru di luar bandar	175
4.15 Pengalaman Mengajar oleh guru di luar bandar	176
4.16 Analisis Faktor	177





4.17	Analisis Relibiliti	179
4.18	Analisis Korelasi	180
4.19	Analisis Regressi antara TK dan SG	182
4.20	Analisis Regressi antara TPG dan SG	183
4.21	Analisa Rgressi antara ABM dan SG	184
4.22	Analisis Regressi antara TMG dan SG	185
4.23	Analiisa Regressi antara TP dan SG	186
4.24	Analisis Regressi antara KP dan SG	187
4.25	Analisis Regressi antara TK, TPG, ABM dan SG	188
4.26	Analisis Regressi antara TMG, TP, KP dan SG	189
4.27	Analisis Regressi antara TK, TPG, ABM, SG dan TL	190
4.28	Analisis Regressi antara TMG, SG, TP, KP dan TL	191
4.29	Analisis Regressi antara SG, Kemampuan mengendali TMK oleh guru di bandar & luar bandar terhadap TL	192
4.30	Analisis Regressi antara SG, Kemampuan mengendali TMK guru di bandar terhadap TL	193
4.31	Analisa Rgressi antara SG, Kemampuan mengendali TMK guru di luar bandar terhadap TL	194
4.32	Latar belakang responden temu bual	197
5.1	Rumusan Hasil Hipotheis Kajian	217





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Rumusan skor bintang yang dicapai oleh semua Sekolah Tamil di Malaysia	8
1.2 Rumusan skor bintang yang dicapai oleh Sekolah Tamil di Selangor	9
1.3 Kerangka kerja kajian	35
2.1 Modal (TAM) oleh Davis (1989)	60
3.1 Langkah-langkah dalam proses melakukan kajian kaedah campuran (Sumber: Cannon, 2004)	131
3.2 Kerangka Kerja Kajian	133
5.1 Kerangka Panduan Efektif Penggunaan TMK semasa PdPc Mata Pelajaran Bahasa Tamil	255



**SENARAI SINGKATAN**

KPM	KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
PPPM	PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA
TMK	TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
ICT	<i>INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY</i>
PIPP	PELAN INDUK PEMBANGUNAN PENDIDIKAN
PDPC	PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN
SJKT	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL
SSQS	<i>SMART SCHOOL QUALIFICATION STANDARD</i>
ABM	ALAT BANTU MENGAJAR
TAM	<i>TECHNOLOGY ACCEPTANCE MODEL</i>
PU	<i>PERCEIVED USEFULNESS</i>
PEU	<i>PERCEIVED EASE OF USE</i>
ATT	<i>ATTITUDE</i>
BI	<i>BEHAVIOURAL INTENTION</i>



SENARAI LAMPIRAN

A BORANG SOAL SELIDIK

B Soalan Temu bual



BAB 1

PENGENALAN



Banyak negara membangun telah memodenkan bidang pendidikan selaras dengan keperluan dunia hari ini. Dalam zaman pemodenan ekonomi yang semakin mencabar, pendidikan menjadi kunci utama untuk membuka pintu pembangunan ekonomi dan teknologi. Hal ini demikian kerana pengetahuan menjadi kayu pengukur dan instrumen utama untuk pembangunan sesebuah negara. Seajar dengan pernyataan ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil pelbagai usaha dalam memastikan pendidikan negara terus berkembang supaya dapat bersaing di pentas global. (Islam,& Negeri 2017). Sebagai contohnya, KPM telah memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dalam usaha untuk menggabungkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam pendidikan di seluruh sekolah di Malaysia. Pendekatan pedagogi sekolah telah beralih daripada





pengajaran berpusatkan guru kepada pengajaran berpusatkan pelajar melalui Kelas berkolaboratif. Tinjauan Cooper, Sanches, Prescott dan Lawrence (1988) (dipetik dari Gan Siow Lee dan noran Fauziah, 1998) mendapati pembelajaran kolaboratif adalah lebih berkesan untuk meningkatkan pembelajaran dan pencapaian pelajar berbanding kaedah tradisional yang melibatkan prosedur tersendiri prosedur individu dan prosedur yang mengehandaki persaingan individu (Cooper & Boyd, 1994). Pendekatan ini merupakan kaedah pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas yang dijalankan dengan penggunaan media digital seperti peranti mudah alih telefon bimbit, tablet dan buku digital sebagai peranti pembelajaran. Setelah kelas kolabratif diperkenalkan peranan guru telah berubah daripada guru berpusat kepada "pendidik", "fasilitator", "jurulatih", dan "e-moderator" (Husain, 2017).



1.2 Latar Belakang Kajian

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) atau dalam erti kata lain *Information and Communications Technology* (ICT) berpotensi memperbaiki semua aspek kehidupan sosial, ekonomi dan budaya kita. Selepas TMK diperkenalkan di semua sekolah di Malaysia, senario ini telah mengubah cara pembelajaran dan pemudahcaraan (*PdPc*) dilaksanakan di dalam kelas. Perkembangan ini menunjukkan bahawa pengajaran berpusatkan guru mulai terhakis selepas TMK diperkenalkan. Dalam TMK proses pengajaran dan pembelajaran akan dilakukan melalui pelbagai kemudahan alat bantu mengajar; radio, televisyen, komputer, projektor overhed, gentian optik, mesin faks, CD-Rom, Internet, papan notis elektronik, slaid, multimedia digital, mesin video / VCD dan sebagainya (Sudarwati & Prianto, 2019).





TMK juga telah membuka jalan untuk pendekatan pedagogi baharu di mana pelajar akan melibatkan diri dengan lebih aktif dalam pembelajaran di dalam kelas berbanding sebelum ini. (Comi, S. L., Argentin, G., Gui, M., Origo, F., & Pagani, L.2017).

Pada tahun 2002, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menjalankan satu kajian untuk menilai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran melalui Projek Pilot Sekolah Pintar. Hasil kajian itu jelas menunjukkan bahawa para pelajar dan guru telah mendapat manfaat daripada aplikasi projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). Mengikut kajian itu didapati kira-kira 90% daripada responden cekap menggunakan kemudahan komputer di dalam bilik darjah (Multimedia Development Corporation,2006). Kajian itu juga melaporkan bahawa para penyelidik yakin dengan pengintegrasian TMK dalam proses pengajaran mereka dengan hampir 83% daripada guru didapati mempunyai kecekapan dalam mengendalikan TMK di dalam kelas (Multimedia Development Corporation, 2006).

Bertitik tolak daripada kejayaan Projek Pilot Sekolah Pintar, KPM telah melancarkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Negara (PIPP) pada tahun 2006-2010 dalam usaha untuk mengubah semua sekolah di negara ini menjadi Sekolah Pintar menjelang tahun 2010 (Kementerian Pendidikan,2006). Namun, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Negara telah dimansuhkan pada tahun 2011 ekoran daripada semua guru di sekolah Malaysia belum bersedia untuk mengajar dalam pengajaran mereka menggunakan teknologi TMK; bilangan makmal komputer yang terhad khususnya di sekolah luar bandar; kekurangan pemahaman guru tentang kegunaan komputer, dan persepsi mereka bahawa teknologi komputer sukar untuk





digunakan (Nurila Abdul Wahab, 2018). Untuk menangani masalah itu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah diperkenalkan pada tahun 2012 dalam usaha mendidik guru dan murid untuk mentransformasikan pendidikan negara secara berperingkat.

Namun selepas PPPM 2013-2025 diperkenalkan masih terdapat pengkaji yang melaporkan masalah penggunaan minimum terhadap aplikasi TMK dalam kalangan guru di dalam kelas untuk membimbing pelajar. Sebagai contoh Gil-Flores, Rodríguez-Santero, et al. (2017); Istifci, (2019) telah melaporkan bahawa tahap penggunaan TMK dalam kalangan guru bahasa untuk pengajaran dan pembelajaran kurang memuaskan meskipun mereka dilengkapi dengan komputer riba oleh KPM. Pada masa yang sama Drossel, Eickelmann, et al. (2017) ; Comi, Argentin, et al. (2017) menemukan dapatan bahawa sikap guru sekolah dalam penggunaan teknologi komputer hanya untuk melakukan aktiviti sampingan seperti menyimpan rekod dan gred pengurusan sekolah sedangkan kebanyakan guru tidak menggunakan aplikasi TMK untuk mencapai potensi sepenuhnya. Berdasarkan isu-isu di atas kajian ini berhasrat untuk mengetahui penerimaan guru Bahasa Tamil terhadap penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam PdPc dengan menggunakan model TAM.

Norashid dan Hamzah (2014) menyatakan bahawa beban tugas guru yang bersifat akademik sebenarnya meliputi tiga bahagian, iaitu mengajar, memberi tugas kepada para pelajar dan juga mengendalikan ujian atau peperiksaan. Sebaliknya beban tugas bukan akademik pula merujuk kepada tugas-tugas yang berkaitan dengan pengurusan pentadbiran, hal ehwal murid dan pengurusan





kokurikulum. Pertambahan tugas dan bebanan tugas yang pelbagai secara tidak langsung telah membawa impak kepada mutu dan kualiti pengajaran seseorang guru. Oleh hal yang demikian, saya ingin menjalankan kajian ini untuk mengetahui tahap persediaan dan tahap penguasaan guru dalam penggunaan TMK dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas.

Isu yang membabitkan tahap penguasaan guru dalam penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi sering mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji dan masyarakat umum serta kerap dibincangkan hingga ke peringkat nasional. Sebagai contohnya pada tahun 2019, lebih daripada 300 buah jurnal telah diterbitkan oleh para pengkaji tempatan dan angka ini menunjukkan bahawa isu tahap penguasaan guru dalam penggunaan Teknologi Maklumat Komunikasi masih mendapat perhatian tinggi dalam kalangan pengkaji tempatan dan pelbagai masalah telah dikemukakan daripada kajian mereka yang menyatakan bahawa tahap penguasaan guru dalam penggunaan TMK masih pada tahap yang membimbangkan semua pihak. Berikut ialah beberapa kajian yang telah dijalankan dalam usaha mengkaji tahap penguasaan guru dalam penggunaan TMK. Antara kajiannya termasuklah; Persepsi guru terhadap penggunaan TMK dalam konteks pengajaran dan pembelajaran komputer (Darmayanti, Magfiroh, et al. 2019); Sikap dan masalah penggunaan media pembelajaran TMK oleh guru (Kusuma, & Listyorini 2019); Persepsi guru dalam penggunaan TMK (Marlina, 2019); Pengajaran Matematik berdasarkan penggunaan TMK (Santoso, Aisyah, et al. 2019); Cara meningkatkan kemampuan Guru dalam Penggunaan TMK (Rinawati, 2019); Penerapan TMK dalam Peningkatan Mutu Pengajaran Bagi Guru (Irtawaty et al., 2019) dan lebih lagi. Melalui penelitian terperinci daripada kajian-kajian di atas, para pengkaji kajian ini menemukan dapatan





bahawa tahap penguasaan guru dalam TMK masih pada tahap sederhana. Berikut merupakan punca-punca yang telah dikenal pasti oleh para pengkaji di sebalik masalah ini yakni; Penerimaan guru terhadap TMK amatlah kurang; Sikap negatif terhadap TMK; Kurang menggunakan alat bantu mengajar dan Kekangan masa akibat beban tugas. Namun demikian, kajian-kajian ini hanya dilakukan dalam skop guru sekolah rendah dan menengah khususnya di Sekolah Kebangsaan. Berdasarkan penelitian, pengkaji kajian ini mendapati bahawa hanya sedikit kajian telah diterbitkan (kurang daripada 100 kajian) dalam skop Sekolah Rendah Tamil dalam usaha meneroka penggunaan TMK dalam PdPc guru-guru Sekolah Tamil. Justeru, kajian ini boleh menjadi salah satu peneraju ataupun perintis dalam memberikan sumbangan mendalam terhadap usaha meneroka tahap penguasaan guru dalam penggunaan TMK dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas.



Pengkaji kajian ini telah mengenal pasti 5 buah kajian yang dijalankan di Malaysia terhadap guru-guru Sekolah Tamil tentang isu penggunaan TMK iaitu: Sikap dan tahap penguasaan TMK dalam kalangan guru Matematik di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Kedah (Govindamah, 2009); Pembinaan kerangka panduan TMK untuk guru Sains di Sekolah Tamil (Shanmugam, 2019); Penerimaan guru terhadap penggunaan Teknologi Kaklumat dan komunikasi (TMK) berasaskan model TAM (Halili & Suguneswary, 2017); Penerimaan guru menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Siti hajar, 2016). Penggunaan bahasa Tamil dan TMK dalam pendidikan Bahasa Tamil (Lakshmi, & Peer 2009). Kesemua kajian di atas dilakukan dalam usaha menentukan tahap penguasaan dan penerimaan guru-guru Sekolah Tamil dalam TMK dan kesemua kajian tersebut hanya dijalankan di sebuah





sekolah dan para pengkaji hanya memfokuskan kajian kepada satu pihak sahaja iaitu guru.


Menurut Statistik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2017, terdapat 10164 buah sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh Malaysia dan daripada jumlah tersebut sebanyak 931 buah sekolah berlokasi di negeri Selangor dan daripada jumlah tersebut sebanyak 96 buah Sekolah Tamil terdapat di Selangor (SSQS, 2017). SSQS atau Smart School Qualification Standard merupakan sistem penarafan bintang yang dicapai oleh sekolah-sekolah di seluruh Malaysia. SSQS telah dilancarkan oleh YB Dato' Seri Hishamuddin Tun Hussien pada 24 April 2007. Tujuan pelaksanaan SSQS adalah untuk menilai amalan-amalan terbaik bagi pembudayaan TMK yang pada awalnya diguna pakai di 88 buah Sekolah Bestari dan kini diperluas ke semua sekolah di seluruh negara. Aplikasi ini digunakan untuk membuat kajian dan mendapatkan maklum balas berkaitan pembudayaan dan penggunaan TMK di sekolah. Bermula dengan penggunaan secara manual di semua Sekolah Bestari, seiring dengan kecanggihan teknologi, satu aplikasi berasaskan web telah dibina bagi proses membuat penarafan untuk semua sekolah di seluruh Malaysia. Keputusan statistik yang diperoleh oleh SSQS pada tahun 2018 jelas menunjukkan bahawa negeri Selangor merekodkan skor yang sangat rendah berbanding dengan negeri-negeri lain di peringkat kebangsaan (Keputusan SSQS, 2017) Justeru, kajian ini dijalankan di negeri Selangor untuk mengetahui tahap penguasaan guru dalam penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam PdPc Bahasa Tamil.



Jadual 1.1

Jumlah sekolah Tamil di seluruh Malaysia

JUMLAH SEKOLAH TAMIL DI SELURUH MALAYSIA				
Jenis Sekolah	2-Bintang	3-Bintang	4-Bintang	5-Bintang
SJK(T)	1	230	251	40
Total	1	230	251	40




Rajah 1.1. Rumusan skor bintang yang dicapai oleh semua Sekolah Tamil di Malaysia

Jadual 1.2

Jumlah sekolah Tamil di Negeri Selangor

JUMLAH SEKOLAH TAMIL DI NEGERI SELANGOR				
Jenis Sekolah	2-Bintang	3-Bintang	4-Bintang	5-Bintang
SJK(T)	1	35	50	10
Total	1	35	50	10



Rajah 1.2. Rumusan skor bintang yang dicapai oleh Sekolah Tamil di Selangor

Rajah 1.1 menunjukkan rumusan skor bintang yang dicapai oleh sekolah-sekolah Tamil yang terdapat di Malaysia manakala Rajah 1.2 pula menggambarkan rumusan skor bintang yang dicapai oleh sekolah-sekolah Tamil yang terdapat di negeri Selangor secara khususnya.

Merujuk rajah di atas, kita dapat melihat rumusan skor SSQS yang dicapai oleh kesemua 522 buah Sekolah Tamil berkaitan dengan pembudayaan dan penggunaan TMK. Dalam Skor SSQS hanya terdapat 5 bintang dan pentarafan bintang tersebut dibuat berdasarkan indikator skor berikut: 1 bintang *Basic* (0-20) –; 2 bintang *Basic Plus* (21-40); 3 bintang *Median* (41-60); 4 bintang *Advance* (61-80); 5 bintang *Advance Plus* (81-100). Pada masa yang sama, skor tersebut akan dinilai berdasarkan 5 kluster; A) Pembangunan profesional; B) Kepimpinan berwawasan; C) Persekitaran duktif; D) Kerangka kurikulum & Penilaian; E) Pembelajaran berpusatkan murid. Kajian ini dijalankan di negeri Selangor adalah disebabkan oleh hasil analisis SSQS yang menunjukkan bahawa negeri Selangor menunjukkan skor yang terendah berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia.

Merujuk pada jadual di atas, kita dapat melihat bahawa jumlah sekolah Tamil di negeri Selangor ialah sebanyak 96 buah sekolah dan daripada jumlah itu sebanyak 52.08% ialah sekolah berskor 4 bintang dan 36.46% buah sekolah telah mencapai skor 3 bintang (Rujuk jadual 1.2). Selain itu, berdasarkan jadual 1.1, kita juga dapat melihat secara keseluruhan skor yang dicapai oleh semua sekolah Tamil di Malaysia dan skor 4 bintang ialah skor tertinggi iaitu sebanyak 250 buah sekolah atau mencatatkan 48.08% daripada keseluruhan data. Manakala, skor 3 bintang ialah skor kedua tertinggi iaitu sebanyak 230 buah sekolah atau 44.04% daripada keseluruhan data. Selain itu, skor 5 bintang ialah skor ketiga tertinggi iaitu sebanyak 230 buah sekolah dan akhirnya skor 2 bintang dengan sebuah sekolah di seluruh Malaysia. Oleh hal yang demikian, kita dapat mengetahui bahawa masih ada ruang penambahbaikan dalam isu meningkatkan penggunaan TMK oleh guru-guru sekolah Tamil.

Jadual 1.3

Rumusan keputusan SSQSkcluster untuk sekolah terpilih

No	Nama Sekolah	Laporan Pencapaian Sekolah (Jumlah bintang)
1.	SJK (T) Ladang Jalan Akob	2
2.	SJK (T) Bukit Darah	3
3.	SJK (T) Ghandiji	3
4.	SJK (T) Hicom	3
5.	SJK (T) Jenjarom	3
6.	SJK (T) Kuang	3
7.	SJK (T) Ladang Ampar Tenang	3
8.	SJK (T) Ladang Batu Ampat	3
9.	SJK (T) Ladang Emerald	3
10.	SJK (T) Ladang Tuan Mee	3
11.	SJK (T) Ladang Kerlin	3
12.	SJK (T) Ladang Sungai Tinggi	3
13.	SJK (T) Ladang Sungai Besar	3
14.	SJK (T) Ladang Bukit Ijok	3
15.	SJK (T) Ladang Braunston	3



Jadual 1.3 menunjukkan sebahagian daripada senarai sekolah Tamil di negeri Selangor yang mencapai skor SSQS 3 bintang dan ke bawah. Daripada jadual 1.2, kita dapat melihat sejumlah 35 buah sekolah Tamil di negeri Selangor yang mencapai skor 3 bintang dan hanya 1 sekolah yang mencapai skor 2 bintang dan kesemua sekolah yang tersenarai di atas merupakan sekolah yang berlokasi di luar bandar. Daripada penelitian di atas, kita dapat melihat bahawa hampir kesemua sekolah yang mencapai skor median (3 bintang) merupakan sekolah luar bandar dan kebanyakan sekolah yang mencapai skor 4 & 5 bintang dicapai oleh sekolah Tamil yang berlokasi di bandar. Justeru, kajian ini akan dijalankan untuk mengetahui adakah terdapat perbezaan penerimaan guru Bahasa Tamil terhadap penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam PdPc di antara sekolah bandar dan sekolah di luar bandar.



1.3 Pernyataan Masalah

Sesungguhnya, guru-guru sekolah bertanggungjawab dalam mengajar subjek tertentu kepada murid-murid di sekolah dan menyediakan PdPc selari dengan sukatan pelajaran sekolah seperti mana yang ditetapkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum dan standard kandungan. Mereka perlu mahir dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mengikut abad ke- 21 supaya mereka dapat mencapai objektif sukatan pelajaran yang ditetapkan oleh KPM. Beban kerja guru lebih mencabar di sekolah kini kerana tugas seorang guru bukan hanya setakat menjadi pengajar atau penyebar ilmu kepada murid-murid malah mereka juga dibebani dengan tugas-tugas lain seperti; fasilitator, pemotivasi, perancang akademik, penasihat kurikulum, pemimpin kelab atau persatuan, Penasihat Unit Pakaian Seragam, jurulatih





sukan dan banyak lagi (Stocks, & Pujic 2017). Selain itu, Hamid & Mansor (2018) menyatakan bahawa cabaran pendidikan masa ini, memerlukan penyertaan aktif oleh guru untuk menggunakan teknologi TMK dalam proses pengajaran. Kenyataan ini disahkan oleh Wei, Kannan, Moulod., (2016) di mana penerimaan guru terhadap TMK sangat bergantung kepada sikap guru itu terhadap teknologi TMK. Merujuk kepada isu di atas, adalah penting untuk kita mengetahui adakah terdapat hubungan antara tahap penguasaan dengan sikap guru dalam penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas.

Sesungguhnya tidak dapat disangkal bahawa pengimplimentasian TMK di sekolah telah mengubah proses pengajaran daripada kaedah pengajaran konvensional kepada kaedah pembelajaran melalui komputer. Menurut Raman (2018), negara yang membangun memerlukan lebih banyak guru yang mempunyai kemahiran dalam menguasai bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). Oleh itu, Raman mengesyorkan bahawa adalah penting bagi melahirkan guru-guru yang berkeelayakan dan berkemampuan dalam mengendalikan komputer sekali gus akan memanfaatkan sepenuhnya kemudahan TMK yang terdapat di sekolah untuk pengajaran dan pembelajaran yang efisien. Pada masa yang sama, hasil kajian Siti Hajar Halili, & Suguneswary (2016) menunjukkan bahawa guru yang bekerja di Sekolah Tamil Kluster di Pahang tidak mempunyai sikap negatif terhadap menggunakan kemudahan seperti bahan audio visual dan hanya segelintir guru yang menjalani latihan TMK dalam mengintegrasikan TMK dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan selebihnya menyatakan bahawa kemampuan mereka untuk menggunakan TMK dalam PdPc bergantung pada masa senggang iaitu selepas tamat aktiviti luar sekolah dan juga bergantung pada kepantasan talian internet. Oleh hal yang demikian, kajian ini





berhasrat untuk mengetahui adakah terdapat hubungan antara Tanggapan Mudah Guna dengan sikap guru dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas.

Suppiah (2017) menemukan dapatan bahawa guru sekolah biasanya dibebani dengan tugas-tugas sekolah yang banyak dan senario ini boleh mengurangkan tumpuan mereka terhadap tugas utama. Kenyataan ini disokong oleh Johari, (2018) yang menyatakan bahawa selain bidang akademik, guru juga perlu memikul tugas-tugas lain sama ada tugas berbentuk akademik dan bukan akademik contohnya berkhidmat sebagai pengerusi jawatankuasa dalam tugas yang berbeza di sekolah. Isu ini secara langsung mengurangkan masa guru sekolah rendah untuk menggunakan TMK dalam mengendalikan proses pengajaran. Pada masa yang sama, Siti Hajar Halili, dan Suguneswary (2016) turut menyatakan bahawa kegunaan alat bantu mengajar (ABM) berasaskan komputer untuk PdPc Bahasa Tamil adalah trend terkini yang tidak menjadi kebiasaan bagi guru-guru Bahasa Tamil. Oleh hal yang demikian, adalah menjadi kewajipan kepada pengkaji dalam mengetahui adakah terdapat hubungan antara amalan Alat Bantu Mengajar (ABM) guru dengan sikap guru dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas.

Salah satu punca yang menyebabkan guru menghadapi tekanan di sekolah adalah akibat daripada penglibatan guru-guru dalam aktiviti sekolah yang sering menyebabkan mereka terpaksa bekerja semasa cuti sekolah untuk memastikan pelan pengajaran dari Jabatan Pendidikan berjalan dengan lancar seperti yang dirancang (Johari, 2018). Justeru, para guru perlu diberikan lebih banyak autonomi semasa melaksanakan kerja mereka. Selaras dengan permasalahan ini, Thomas (2019) & Ali at al., (2017) menegaskan bahawa pekerjaan yang sangat terkawal dan rumit akan





menghalang kebebasan dan kreativiti guru dan ini boleh mengakibatkan sejumlah hasil yang tidak diingini termasuklah kekurangan tumpuan dalam pengajaran yang akhirnya menghasilkan prestasi pelajar yang rendah. Sehubungan dengan ini, kajian ini bertekad untuk mengetahui adakah terdapat hubungan antara tahap persediaan dengan sikap guru dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas.

Menurut Goyal & Arora (2012), kegagalan untuk mencapai keseimbangan yang tepat dari segi usaha dan ganjaran berkait rapat dengan kekurangan kawalan ke atas beban kerja dan kekurangan tenaga dalam memenuhi keperluan dan komitmen peribadi. Ketidakseimbangan antara kedua-dua faktor ini akan menyebabkan keletihan, menjejaskan prestasi, dan kualiti kehidupan yang semakin merosot. Sehubungan dengan ini, Johari (2018) dan Azita, (2012) mendedahkan bahawa hampir 90 peratus daripada guru-guru sekolah rendah yang berkhidmat di Batu Pahat, Johor telah membuat pertimbangan untuk melepaskan kerjaya mereka dalam tempoh dua tahun disebabkan beban kerja yang tinggi. Dalam masa yang sama, Zamri, Moy, et al. (2017) telah melaporkan bahawa salah satu sebab untuk tekanan kerja dalam kalangan guru adalah disebabkan oleh beban kerja yang amat berat. Pernyataan ini disokong oleh Tai, Ng, et al. (2019); Jia, dan Loo (2018); Ali, Nordin, et al. (2017) yang bersetuju bahawa beban kerja yang berat akan menjejaskan semangat, kualiti hidup, dan kepuasan kerja pekerja. Dalam konteks guru, kesan buruk tersebut akan menjejaskan kualiti pengajaran secara khususnya dan kualiti pendidikan negara secara amnya.

Model TAM diperkenalkan oleh Fred Davis pada tahun 1986. TAM merupakan model yang digunakan untuk meramal penerimaan pengguna terhadap teknologi berdasarkan dua pembolehubah iaitu Tanggapan Kebergunaan (*perceived usefulness*, TK); Tanggapan Kemudahangunaan (*perceived ease of use*, TMG); Sikap guru (*attitude*, SG) dan Tingkah laku (*Behavioural intention*, TL). Dalam kajian ini model TAM diguna dalam menentukan faktor manakah yang mempengaruhi niat penggunaan komputer oleh guru dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas. Terdapat beberapa kajian tempatan yang pernah menggunakan model TAM dalam mengukur tahap penerimaan guru terhadap TMK antaranya ialah; Peng, Hamid, et al. (2019); Ravichandran, (2019); Yeop (2019); Yim, Moses, et al. (2019); Ahmad Shidki (2018); Pranchis Andin (2018). Kajian-kajian tersebut dilakukan untuk mengetahui tahap penerimaan TMK oleh guru dari aspek motivasi; tahap; latihan dan infrastruktur sekolah. Tetapi jika dirujuk pada kajian-kajian yang dilakukan terhadap SekolahTamil, dapat dibuktikan bahawa tidak ada kajian yang menjawab tahap penerimaan guru Bahasa Tamil dengan motivasi pelajar secara serentak. Shanmugam, dan Balakrishnan (2019) mengkaji penggunaan TMK semasa PdPc Sains oleh guru Sekolah Tamil; Kanthasamy, dan Tinagaran (2019) Persepsi guru terhadap KBAT; Poobalan, Zaharudin, et al. (2019) Minat murid-murid sekolah Tamil terhadap animasi 3D.

Pada masa yang sama hampir kesemua kajian yang telah dilakukan dalam isu tahap penerimaan TMK oleh guru memfokuskan populasi kecil dan tiada kajian yang menggunakan model TAM dalam mengukur penggunaan Teknologi Maklumat oleh guru Bahasa Tamil dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas yang berpopulasi besar. Sebagai contohnya, Halili dan Suguneswary (2017) telah menjalankan kajian



mengenai penerimaan guru terhadap penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi berasaskan model TAM dalam pengajaran mata pelajaran Bahasa tamil. Kajian tersebut hanya memfokuskan sebuah sekolah untuk mengumpul maklumat kajian bagi mengkaji satu isu yakni penerimaan guru terhadap TMK. Manakala dalam kajian ini pula, pengkaji akan memfokuskan skop kajian ini pada skala yang lebih besar di mana sebanyak 96 buah sekolah akan dipilih untuk mengumpulkan maklumat kajian. Pada masa yang sama, kajian ini akan mengkaji hubungan moderator dengan sikap guru serta perbezaan penerimaan guru-guru di bandar dan guru-guru di luar bandar terhadap Tingkah Laku guru dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas.

Teknologi memainkan peranan penting dalam kehidupan seorang guru dan pelajar dalam mempromosikan pembelajaran kolabratif sekali gus meningkatkan kemahiran komunikasi di dalam kelas dan ini secara relatifnya meningkatkan motivasi guru dan pelajar melalui pelbagai aktiviti (Kamaruddin, Abdullah, et al. 2017). Pelbagai kajian telah dijalankan untuk menyiasat hubungan antara TMK dengan prestasi pelajar; Mohanraj, Yuen, et al. (2019); Al-Emran, Mezhuyev, et al. (2018); Hussein et al., (2018); Kamaruddin, Abdullah, et al. (2017). Walau bagaimanapun, kajian-kajian ini tidak dapat mengemukakan kesan TMK secara tepat terhadap prestasi pelajar. Kajian-kajian ini telah menemukan dua cabaran utama iaitu yang pertama, sukar untuk menentukan prestasi pelajar kerana pendekatan umum yang digunakan oleh banyak penyelidik akreditasi kurikulum yang bertanggungjawab untuk mencapai prestasi dari segi gred (Al-Emran, Mezhuyev, et al. 2018). Walau bagaimanapun, Kamaruddin, Abdullah, et al. (2017) dan Mohanraj, Yuen, et al. (2019) mengkritik kajian ini dengan menyalahkan mereka menggunakan pendekatan yang sempit, dan mencadangkan pendekatan alternatif untuk mempertimbangkan





pengaruh TMK terhadap sikap pelajar, kecekapan, dan kemahiran kurikulum. Cabaran kedua terletak pada perubahan teknologi yang berleluasa di mana sukar untuk mengukur impak motivasi pelajar berdasarkan amalan PdPc guru daripada persekitaran mereka (Hussein et al., 2018). Tambahan lagi, banyak kajian yang dijalankan mengenai subjek ini berdasarkan kajian perbandingan saintifik. Kajian-kajian ini menegaskan bahawa penerapan teknologi TMK dalam sekolah kurang memberi kesan positif kepada murid. Di samping itu, kebanyakan kajian telah memberikan tumpuan kepada hasil kognitif, termasuklah beberapa kajian baru-baru ini yang menemukan hasil yang berkesan dan sikap positif terhadap TMK oleh pelajar (Bahrum, Wahid, et al. 2017; Ho, Kamaruddin, et al. 2016; Lim, Said, et al. 2018). Berdasarkan jurang kajian dan pernyataan masalah yang dikenal pasti, sememangnya adalah penting untuk menyiasat bentuk sokongan yang diterima oleh guru dalam penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas.

Revolusi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) adalah cabaran besar untuk pembangunan profesional guru. Seseorang guru mesti belajar kemahiran teknikal yang mencukupi untuk menggunakan TMK secara produktif dan juga untuk mengarahkan serta membimbing pelajar menggunakan TMK dengan bersahaja dan generatif. Kenyataan ini disokong oleh Uluysol, dan Şahin (2016) di mana guru bukan sahaja perlu arif dengan TMK tetapi mereka juga perlu memperoleh kepakaran yang diperlukan untuk mengendalikan aktiviti pedagogi dengan mengintegrasikan teknologi baharu dalam persekitaran pembelajaran. Amalan pedagogi dengan pengintegrasian teknologi maklumat akan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan guru pada peringkat tinggi sekali gus membolehkan mereka untuk menyesuaikan diri





dengan pengetahuan masa ini. Di samping itu, Hlengwa, Chimbo, et al. (2018) menyatakan bahawa kekurangan kepakaran teknikal dalam TMK telah mengehadkan pembangunan aktiviti pedagogi yang inovatif oleh para guru. Selanjutnya, Semerci, dan Aydin (2018) menegaskan bahawa pengetahuan guru adalah amat penting untuk menggunakan amalan pedagogi menggunakan TMK dengan sepenuhnya. Hal ini bukan sahaja melibatkan isu kepakaran teknikal yang tidak mencukupi untuk mengeksploitasi pedagogi yang disediakan oleh TMK; selagi TMK digunakan dalam sistem pendidikan sebagai inovasi teknikal semata-mata dan tidak begitu penting digunakan maka kemajuan pedagogi gagal dicapai (Ghavifekr, Kunjappan, et al. 2016). Pada masa yang sama hasil kajian Tondeur, Aesaert, et al. (2017) telah menunjukkan bahawa model pedagogi baharu dengan menggunakan teknologi TMK dalam pendidikan terutamanya komputer perlu disokong oleh kolaborasi guru yang akan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang rasional di samping memberikan peluang baharu dalam menyelesaikan masalah pedagogi di sekolah. Seterusnya, Suárez-Rodríguez, Almerich, et al. (2018), telah mencadangkan bahawa untuk memenuhi cabaran masa depan, setiap sekolah perlu menggunakan teknologi TMK dalam pendidikan dalam melahirkan guru yang produktif di mana mereka bekerja untuk memajukan ilmu di peringkat global. Oleh hal yang demikian, adalah wajar untuk kita mengeksplorasi adakah terdapat hubungan antara kekerapan penggunaan TMK dengan sikap guru dalam dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas.

Selanjutnya, berdasarkan penyelidikan mengenai tahap penguasaan guru dalam penggunaan TMK Valente, Sarreira, et al. (2018) telah menekankan kepentingan pembelajaran kolaboratif dalam pembangunan kognitif. Hal ini demikian kerana pembelajaran kolaboratif yang disokong oleh komputer akan memupuk





perkembangan kognitif manusia. Selari dengan penemuan ini, beberapa orang penyelidik kognitif berpendapat bahawa kecerdasan boleh ditingkatkan atau dikembangkan melalui usaha kognitif yang berterusan (Häkkinen, Järvelä, et al. 2017; Rosen dan Rimor 2016; Lippincott, 2019). Teknologi komputer memudahkan perkembangan sistem kognitif manusia untuk menyusun semula amalan pendidikan mengikut kognitif. Dalam masa yang sama, Eickelmann, Gerick, et al. (2017) mengesyorkan bahawa guru-guru perlu terlibat dalam proses pembangunan profesional yang lebih luas. Hal ini disokong oleh Limone, Sinatra, et al. (2019) dan Tondeur, van Braak, et al. (2016) yang mendapati bahawa untuk memenuhi cabaran pengetahuan TMK oleh guru, setiap sekolah memerlukan infrastruktur teknikal dan sumber, kemahiran yang mencukupi dalam menggunakan teknologi maklumat dan membangunkan model pedagogi yang inovatif menggunakan TMK untuk tujuan mempelbagaikan Hal ini demikian kerana kemajuan dalam amalan pedagoginya banyak bergantung pada sokongan keseluruhan komuniti sekolah kepada guru.

Untuk memenuhi matlamat kurikulum baru-baru ini, kerajaan Malaysia telah berusaha keras untuk melengkapkan kemudahan TMK di sekolah. Hal ini dapat dilihat di kebanyakan sekolah pedalaman yang kini mempunyai kemudahan dan infrastruktur sokongan yang mencukupi untuk menggunakan TMK dalam aktiviti pembelajaran, seperti menyediakan makmal komputer untuk pelajar, komputer untuk guru, projektor, dan sebagainya (PPPM 2013-2025). Sesetengah sekolah juga menyediakan Rangkaian Kawasan Tempatan yang bersambung secara tanpa wayar. Rangkaian ini memberikan peluang kepada warga sekolah untuk menggunakan sumber pembelajaran dan media tersebut secara optimum. Walau bagaimanapun, kajian terdahulu menunjukkan bahawa penggunaan TMK oleh guru masih rendah





(Hassan & Sajid, 2013; Wiranto, 2014); ramai guru masih tidak menggunakan komputer dan internet untuk menyediakan rancangan pelajaran mereka. Malah, Hassan & Sajid (2013) juga mendedahkan bahawa ramai guru kurang yakin terhadap penggunaan TMK walaupun mempunyai pengetahuan yang mencukupi. Hal ini dapat membuktikan bahawa pengalaman dan motivasi guru untuk menggunakan TMK di dalam kelas masih di bawah jangkaan. Persepsi dan motivasi para guru dalam penggunaan TMK adalah dua penentu utama pengintegrasian TMK yang berjaya dalam aktiviti pembelajaran (Al-Awidi & Aldhafeeri, 2016; Qasem & Viswanathappa, 2016). Kedua-dua faktor ini membolehkan guru menggunakan TMK bukan sahaja untuk menyediakan dan membantu pengajaran kelas mereka, tetapi juga untuk menggalakkan para pelajar belajar secara autonomi di luar bilik darjah. Motivasi untuk menggunakan TMK dalam aktiviti pembelajaran bermakna menggunakan TMK untuk mencapai matlamat pembelajaran. Oleh hal yang demikian, kajian ini ingin mengetahui apakah tahap persediaan guru dalam penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas.

Miarso & Hadi (2007) menyatakan bahawa penggunaan TMK dalam proses pembelajaran adalah salah satu faktor yang menyokong proses pembelajaran yang berkualiti untuk mencapai matlamat pendidikan. Oleh itu, guru perlu mempunyai pengetahuan teknikal dan pedagogi untuk mengintegrasikan TMK ke bilik darjah mereka. Walaupun terdapat banyak kajian yang menyiasat penggunaan TMK dalam Pendidikan Malaysia, tetapi kebanyakannya hanya memberikan tumpuan kepada kawasan bandar (Mirzajani, Mahmud, et al. 2016; Alazzam, Bakar, et al. 2012; Lau dan Sim 2008; Samuel, dan Bakar 2006;). Malah, hanya separuh daripada penduduk





di Indonesia tinggal di kawasan bandar (Statistik Indonesia-BPS, 2014). Statistik ini menggambarkan jurang dalam kajian yang menyerlahkan penggunaan TMK di sekolah kampung atau sekolah rendah. Untuk mengisi jurang ini, kajian yang difokuskan kepada luar bandar diperlukan. Ini bukan sahaja kerana bandar-bandar kecil berbeza dari bandar-bandar besar secara ekonomi, tetapi juga kerana lokasi ini berbeza dari segi geografi. Sebagai contoh, kawasan luar bandar di Malaysia menjadi kawasan paling teruk dari segi banjir pada setiap tahun yang mudah mendedahkan kemudahan komputer di sekolah kepada risiko mudah pecah atau ditenggelami air. Selain itu, sambungan internet juga agak tidak stabil. Untuk dapat melaksanakan integrasi TMK dalam proses pengajaran seperti yang disebut dan dihasratkan, para guru mesti mempunyai kompetensi tertentu. Menurut Inggit (2011) komposisi standard minimum yang mesti dimiliki oleh guru termasuk: (1) Pengoperasian Komputer; (2) memasang, menyekat, menubuhkan, menyelenggara, dan menyelesaikan masalah komputer peribadi; (3) pro-gramming komputer; (4) pemprosesan perkataan; (5) hamparan; (6) Pengurusan pangkalan data dan (7) membuat persembahan interaktif yang memenuhi peraturan komunikasi visual dan interpersonal. Oleh itu, guru yang menguasai TMK ialah guru yang secara optimumnya menggunakan komputer dalam melaksanakan tugasnya, bermula daripada aktiviti penyediaan rancangan pengajaran, melaksanakan proses pengajarannya, menilai dan menganalisis hasil pembelajaran murid, serta menjalankan kegiatan pemulihan atau pengayaan. Pendek kata, adalah penting bagi guru-guru untuk mengintegrasikan TMK baik dalam aktiviti pembelajaran dan menjalankan tugas pentadbiran.





Walaupun banyak kajian telah membuktikan kelebihan menggunakan TMK untuk meningkatkan kualiti pembelajaran namun bukan semua guru menggunakan teknologi ini dalam pengajaran mereka. Banyak kajian menunjukkan bahawa integrasi TMK dalam pendidikan telah menghadapi banyak halangan. Menurut Mirzajani, Mahmud, Ayub, & Luan (2015), guru tidak dapat menggunakan TMK di dalam bilik darjah mereka kerana kekurangan latihan, pengetahuan, kemahiran, kemudahan, masa dan keberkesanan diri yang berkaitan dengan penggunaan TMK. Penemuan ini disokong oleh Hadriana (2017) yang mendedahkan bahawa banyak faktor boleh mempengaruhi penggunaan guru TMK seperti kemahiran dan pengetahuan TMK yang terhad, ketersediaan peralatan TMK di sekolah, dan pengajaran yang berlebihan. Satu lagi kajian juga menekankan bahawa cabaran integrasi TMK adalah disebabkan kurangnya kecekapan TMK dan sokongan untuk pembinaan kapasiti (Amuko, Miheso, & Ndeuthi, 2015). Walau bagaimanapun, faktor yang mempengaruhi kejayaan penggunaan TMK dalam pendidikan tidak jauh terpisah daripada satu sama lain untuk membolehkan guru mengintegrasikan TMK dalam pengajaran mereka. Kajian yang dijalankan oleh Ojo & Adu (2018) mendedahkan bahawa guru tidak menggunakan TMK dalam pengajarannya walaupun terdapat kemudahan yang memadai kerana pengetahuan dan kemahiran yang terhad. Begitu juga, guru yang mempunyai sikap positif terhadap penggunaan TMK dan kemahiran yang baik tidak boleh menggunakan TMK disebabkan oleh kemudahan terhad (Hong, 2016). Oleh itu, kedua-dua faktor kemudahan dan kecekapan guru adalah kunci kepada integrasi TMK yang berjaya. Justeru, kajian ini bertekad untuk meneroka adakah terdapat hubungan antara kekerapan penggunaan TMK dengan sikap guru dalam dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas.



Di negara-negara yang membangun, kemudahan terhad didapati sebagai instrumen utama dalam mengintegrasikan TMK dalam aktiviti pembelajaran (Karunaratne, Peiris, & Hansson, 2018). Walau bagaimanapun, Ghavifekr, Kunjappan, et al. (2016) juga mendedahkan faktor-faktor lain yang masih menghalang guru-guru Malaysia daripada menggunakan TMK dalam pengajaran mereka, seperti kekurangan sokongan institusi kewangan serta kemahiran teknikal. Selain itu, guru-guru juga mempunyai kemahiran yang mencukupi untuk menggunakan TMK, tetapi mereka tidak mampu mengintegrasikannya ke dalam pengajaran mereka kerana mereka tidak mempunyai kemahiran metodologi atau kemudahan sokongan (Muslem, Yusuf, & Juli-ana, 2018; Prasojo et al., 2018). Hal ini menekankan betapa pentingnya sokongan institusi kepada pengajar untuk membina kapasiti mereka dalam menggunakan TMK dalam pengajaran (Copriady, 2014, Mwawasi, 2014), seperti dengan memberikan latihan yang berkaitan dengan kemahiran teknikal menggunakan TMK (Amuko, Miheso, Dan Ndeuthi, 2015, Michael, Maithya, & Cheloti, 2016; Ojo & Adu, 2018) dan latihan yang berkaitan dengan pengetahuan metodologi untuk mengintegrasikan TMK ke dalam pengajaran (Hlasna, Klimova, & Poulova, 2017; Prasojo et al., 2018).

Satu lagi faktor yang berpotensi, namun agak kurang diberikan ialah penggunaan intensiti guru-guru TMK. Faktor ini adalah salah satu faktor penting dalam integrasi TMK (Papanastasiou & Angeli, 2008). Kajian yang dijalankan oleh Mwila (2018) dan Tezci (2009) membuktikan bahawa terdapat hubungan positif antara kekerapan penggunaan TMK dengan sikap guru terhadap integrasi TMK. Selain itu, satu lagi kajian mendedahkan bahawa terdapat kaitan positif antara kekerapan penggunaan TMK dan literasi komputer guru (Azmi, 2017). Walaupun



penemuannya agak terhad namun untuk memahami hubungan antara kekerapan atau intensiti penggunaan TMK dan persepsi guru mungkin membantu pengambilan keputusan yang lebih berkesan dari segi integrasi TMK dalam pendidikan (Papanastasiou & Angeli, 2008). Dengan itu, kajian ini meneroka adakah terdapat hubungan mediator antara faktor tanggapan kebergunaan dengan sikap guru terhadap tingkah laku guru dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas.

Menurut Mwendwa (2017), terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi penggunaan komputer yang diaplikasi oleh guru yakni: (1) isu-isu pedagogi; (2) kebiasaan dengan komputer; (3) latihan guru; (4) ketersediaan masa, dan (5) ketersediaan perisian keras dan perisian. Walau bagaimanapun, Model Penerimaan Teknologi (TAM) yang dibangunkan oleh Davis pada tahun 1989 menjadi dua faktor yang mempengaruhi seseorang yang menerima teknologi; iaitu, kegunaan yang dirasa ataupun kesanggupan dan faktor mudah digunakan. Kesanggupan yang ditakrifkan bermakna tahap yang mana seseorang percaya bahawa penggunaan teknologi akan meningkatkan prestasi pekerjaannya, dan dianggap sebagai kemudahan penggunaan bermaksud tahap di mana seseorang percaya bahawa penggunaan teknologi akan bebas daripada timbunan usaha (Davis, Bagozzi, & Warshaw, 1989). Walaupun teori ini telah disemak beberapa kali namun kedua-dua faktor ini masih sah dalam memahami penggunaan teknologi. Oleh itu, definisi persepsi guru dalam menggunakan TMK yang digunakan dalam kajian ini adalah kebolehan guru untuk menggunakan TMK dalam pengajaran mereka, menyusun pengetahuan tentang TMK, mentafsirkannya kemudian melaksanakan penggunaan TMK dalam pengajaran bahasa Tamil. Oleh itu kajian ini berhasrat untuk meneroka isu adakah terdapat





hubungan mediator antara faktor tanggapan mudah guna dengan sikap guru terhadap tingkah laku guru dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas.

Menurut Cheng & Dörnyei (2007), motivasi merupakan faktor utama dalam menentukan kejayaan. Oleh itu, aspek motivasi harus dilihat sebagai salah satu elemen penting yang mesti dipertimbangkan. Guru bermotivasi bermakna tenaga dan semangat dipindahkan untuk melakukan sesuatu (Ryan & Deci, 2000). Oleh itu, konsep motivasi merujuk kepada punca orang berfikir dan berkelakuan seperti yang dilakukan oleh mereka. Catarina (2012) berhujah bahawa kejayaan melaksanakan TMK dalam pendidikan ditentukan oleh faktor-faktor yang kompleks. Hasil kajian secara luas mengklasifikasikan faktor-faktor yang memudahkan penggunaan TMK di sekolah ialah: kepercayaan, nilai, dan sifat yang dirasakan para guru. Oleh itu, Teori Psikososial daripada model TAM dianggap sangat relevan. Menurut Davis (1986), individu akan mengekspresikan tingkah laku mereka berdasarkan Sikap dan Tingkah laku, khususnya kepercayaan terhadap keupayaan untuk melaksanakan tingkah laku tertentu. Teori TAM ini telah banyak digunakan dalam penyelidikan yang berkaitan dengan niat individu untuk menggunakan TMK. Penyelidikan telah membuktikan bahawa kepuasan komputer yang kukuh dalam kalangan guru mempengaruhi kekerapan dan bagaimana TMK digunakan dalam amalan pengajaran dan pembelajaran harian mereka (Scherer, Siddiq, et al. 2019). Faktor seterusnya yang menjadikan guru menerima dan menggunakan TMK dalam bilik darjah adalah pengalaman mereka menggunakan TMK (Badri, Al-Rashedi, & Mohaidat, 2013), pengalaman bagaimana menggunakan teknologi ini dalam persekitaran bilik kelas (Keramati, Afshari- Mofrad, & Kamrani, 2011), dan pengalaman menggunakan jenis aplikasi berdasarkan umur TMK, dan keyakinan diri (Molnár & Benedek, 2013).





Selanjutnya, Keramati, Afshari-Mofrad, dan Kamrani (2011) mengatakan bahawa motivasi guru dan latihan yang dilakukan oleh mereka memainkan peranan penting dalam penerapan TMK dalam pendidikan sementara Sang, Valcke, Van Braak, Tondeur, & Zhu (2011) pula menekankan hubungan yang erat antara sikap terhadap sesuatu yang berkaitan dengan TMK dalam pendidikan. Sikap positif guru dapat memfasilitasi lebih banyak penggunaan TMK sehingga kegiatan pembelajaran menjadi lebih menarik dan menyenangkan. Sebaliknya, guru yang mempunyai sikap negatif tidak akan mengintegrasikan TMK dalam aktiviti pembelajaran mereka. Bertolak daripada penjelasan ini, dapatlah disimpulkan bahawa motivasi guru untuk menggunakan TMK datang daripada rejim mereka untuk menggunakan TMK dalam pengajaran mereka disebabkan oleh faktor dalaman dan faktor luaran yang mempengaruhi serta mendorong mereka untuk berjaya dalam menggunakan TMK dalam pengajaran bahasa mereka. Oleh itu, adalah penting untuk pengkaji untuk meneroka adakah terdapat hubungan antara kekerapan penggunaan TMK dengan sikap guru dalam dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, beberapa objektif kajian telah digariskan untuk menyelesaikan masalah kajian. Objektif-objektif penyelidikan ini adalah seperti yang berikut:



OBJEKTIF 1

- 1) Untuk menganalisis hubungan antara Tanggapan Kebergunaan (TK), Tahap Penguasaan (TP), Amalan Alat Bantu Mengajar (ABM) guru dengan sikap guru dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas.

OBJEKTIF 2

- 2) Untuk menganalisis hubungan antara Tanggapan Mudah Guna (TMG), Tahap Persediaan, Kekerapan Penggunaan TMK dengan sikap guru dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas.

OBJEKTIF 3

- 3) Untuk mengenal pasti hubungan mediator antara faktor Tanggapan Kebergunaan (TK), Tanggapan Mudah Guna (TMG), dengan Sikap guru terhadap tingkah laku guru dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas.

OBJEKTIF 4

- 4) Untuk meneliti hubungan moderator antara sikap guru dengan perbezaan penerimaan TMK di antara bandar dan luar bandar terhadap Tingkah Laku guru dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas.

OBJEKTIF 5

- 5) Untuk menghuraikan tahap persediaan guru, bentuk sokongan, faktor-faktor penghalang dalam penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas.

1.5 Persoalan Kajian

1.5.1 Kuantitatif

- 1) Adakah terdapat hubungan antara Tanggapan Kebergunaan dengan sikap guru dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas?
- 2) Adakah terdapat hubungan antara tahap Penguasaan dengan Sikap guru dalam penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas?
- 3) Adakah terdapat hubungan antara amalan Alat Bantu Mengajar (ABM) guru dengan sikap guru dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas?
- 4) Adakah terdapat hubungan antara Tanggapan Mudah Guna dengan sikap guru dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas.?
- 5) Adakah terdapat hubungan antara Tahap persediaan dan sikap guru dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas?
- 6) Adakah terdapat hubungan antara kekerapan penggunaan TMK dan sikap guru dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas?
- 7) Adakah terdapat hubungan mediator antara faktor tanggapan kebergunaan dan sikap guru terhadap tingkah laku guru dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas?

- 8) Adakah terdapat hubungan mediator antara faktor Tanggapan Mudah Guna dan Sikap guru terhadap tingkah laku guru dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas?
- 9) Adakah terdapat hubungan moderator antara Sikap guru dengan perbezaan pengendalian TMK di antara bandar dan di luar bandar terhadap Tingkah Laku guru dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas?

1.5.2 Kualitatif

- 10) Apakah persediaan guru dalam penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas?

- 11) Apakah bentuk sokongan yang diterima oleh guru dalam penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas.?
- 12) Apakah faktor-faktor penghalang dalam penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas?

1.6 Hipotesis Kajian

Menurut Murray, Bastille-Rousseau, et al. (2019) null hipotesiss ialah pernyataan yang memperkenalkan soalan penyelidikan dan mencadangkan hasil yang diharapkan. Dalam erti kata lain null hipotesiss penyelidikan merupakan cadangan khusus yang

boleh diuji berdasarkan hasil penyelidikan saintifik dan populasi tertentu (Hall, Malmberg, et al. 2018). Mereka juga mengesahkan bahawa null hipotesis kajian digunakan untuk menentukan perbezaan yang diandaikan antara kumpulan atau pemboleh ubah tertentu. Dalam kajian saintifik proses penentuan null hipotesis penyelidikan adalah salah satu langkah yang paling penting. Hal ini demikian kerana penentuan satu atau lebih null hipotesis dalam sesuatu kajian akan menyatakan harapan mengenai hasil kajian dalam penyelidikan sebelum menjalankan kutipan data kajian (Tiokhin, 2020).

Oleh hal yang demikian, salah satu kelebihan menentukan null hipotesis penyelidikan adalah penentuan null hipotesis ini dapat membantu penyelidik untuk berfikir sepenuhnya tentang apakah yang dimaksudkan dengan soalan penyelidikan, pemboleh ubah yang terlibat, dan kaedah statistik tentang apakah yang harus digunakan oleh seseorang pengkaji untuk menganalisis data (Murray, 2019). Dalam erti kata lain, setiap langkah proses penyelidikan dipandu oleh null hipotesis penyelidikan yang dinyatakan, termasuk sampel peserta, reka bentuk penyelidikan, kaedah pengumpulan data, instrumen pengukuran, kaedah analisis data, hasil yang mungkin diperoleh, dan kesimpulan yang mungkin didapati (Szucs, 2017). Null hipotesis penyelidikan biasanya diperoleh daripada soalan penyelidikan yang dinyatakan dan masalah yang sedang disiasat. Selepas null hipotesis penyelidikan dinyatakan, kaedah statistik inferens digunakan untuk menguji null hipotesis ini untuk menjawab soalan penyelidikan dan membuat kesimpulan mengenai masalah penyelidikan. Umumnya, dalam reka bentuk penyelidikan kuantitatif, ujian null hipotesis dan penggunaan kaedah statistik inferens bermula dengan perkembangan null hipotesis penyelidikan khusus yang diperoleh daripada soalan penyelidikan



kajian. Null hipotesiss kajian berbeza daripada soalan penyelidikan dalam null hipotesiss tersebut adalah disebabkan oleh pernyataan khusus dari segi perbezaan dan hubungan yang dijangkakan, yang berdasarkan teori atau alasan logik lain dan yang boleh diuji menggunakan ujian statistik yang dibangunkan untuk menguji null hipotesiss tertentu. Dalam kajian ini ada 12 null hipotesiss yang tertera seperti berikut:

H₀₁: Tidak terdapat hubungan signifikasi antara Tanggapan Kebergunaan dan sikap guru dalam dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas

H₀₂: Tidak Terdapat hubungan signifikasi antara tahap penguasaan TMK dengan sikap guru dalam penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas.



H₀₃: Tidak Terdapat hubungan signifikasi antara amalan Alat Bantu Mengajar (ABM) dengan sikap guru dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas?

H₀₄: Tidak Terdapat hubungan signifikasi antara Tanggapan Mudah Guna dan sikap guru PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas.

H₀₅: Tidak Terdapat hubungan signifikasi antara Tahap persediaan dengan sikap guru dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas.

H₀₆: Tidak Terdapat hubungan signifikasi antara kekerapan penggunaan TMK dengan sikap guru dalam dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas.





H₀₇: Tidak Terdapat hubungan mediator antara faktor Tanggapan Kebergunaan dengan sikap guru terhadap tingkah laku guru dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas.

H₀₈: Tidak Terdapat hubungan mediator antara faktor Tanggapan Mudah Guna dengan sikap guru terhadap tingkah laku guru dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas.

H₀₉: Tidak Terdapat hubungan moderator antara sikap guru dengan perbezaan pengendalian TMK di antara bandar dan luar bandar terhadap Tingkah Laku guru dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas.



H₀₁₀: Tidak Terdapat Tahap persediaan guru dalam penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas adalah tidak baik.

H₀₁₁: Tidak Terdapat banyak bentuk sokongan yang diterima oleh guru dalam penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas.

H₀₁₂: Tidak Terdapat penghalang dalam penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas.





1.7 Kepentingan Kajian

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) boleh menggunakan hasil kajian ini sebagai rujukan untuk mengambil tindakan segera dalam mempertimbangkan konflik yang dilalui oleh guru Bahasa Tamil akibat penggunaan Teknologi Maklumat dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas. Dalam masa yang sama, kajian ini juga akan merintis cadangan mengenai apakah cara sesuai yang boleh digunakan oleh guru bahasa Tamil dalam menjalankan proses pengajaran yang dapat mengatasi konflik di dalam PdPc Bahasa Tamil di Malaysia.

Malah, kajian ini juga amat penting kerana kajian ini menggunakan model TAM dalam menentukan sikap dan kemahiran sebenar guru terhadap penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas dengan mengemukakan bukti empirikal yang kukuh.

1.8 Batasan Kajian

Berpandukan data KPM pada Januari 2020, Jumlah Sekolah Tamil di Malaysia adalah sebanyak 527 buah sekolah. Negeri Selangor mempunyai sekolah Tamil kedua terbanyak selepas perak iaitu sebanyak 96 buah sekolah dan terdapat 3 buah sekolah Tamil Selangor dalam proses pengambilan murid beserta proses pembukaan awal persekolahan.






Oleh itu, kajian ini akan dijalankan di 96 buah sekolah rendah di Selangor yang beroperasi penuh pada Tahun kajian ini dijalankan untuk melihat aplikasi model TAM dalam penggunaan Teknologi Maklumat dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas. Kajian ini menumpukan fokus terhadap penggunaan Teknologi Maklumat dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas. Penulis memilih 96 buah sekolah rendah di Selangor kerana penulis akan melihat bagaimanakah guru-guru bahasa Tamil di sekolah-sekolah tersebut melaksanakan tanggungjawab dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas.

Batasan kajian ialah hanya satu isu yang diukur dalam kajian ini yakni dari segi aspek penggunaan Teknologi Maklumat dalam PdPc Bahasa Tamil. Kajian ini juga bertujuan untuk mengumpulkan data dengan menggunakan kaedah kuantitatif yang diguna pada saiz sampel 260 orang guru di sekolah. Selain itu, penyelidik hanya memilih sebuah negeri sahaja iaitu negeri Selangor untuk mengumpulkan data.



1.9 Kerangka Teori Kajian



Rajah 1.3. Kerangka kajian



Rajah 1.3 menunjukkan kerangka konsep kajian ini. Kerangka konsep kajian di atas direka berdasarkan model TAM iaitu yang pertama terdapat dua pemboleh tidak bersandar iaitu Faktor Tanggapan Kebergunaan (TK) yang diguna untuk mengukur adakah penggunaan TMK meningkatkan prestasi pekerjaan guru Bahasa Tamil dalam PdPc Bahasa Tamil. Untuk pemboleh ubah ini terdapat 2 aspek tambahan yang akan dinilai iaitu Tahap Penguasaan (TP) dan Amalan Alat Bantu Mengajar (ABM). Pemboleh ubah tidak bersandar yang kedua ialah Tanggapan Mudah Guna (TMG) diguna untuk mengukur sama ada guru Bahasa Tamil percaya bahawa kegunaan TMK memudahkan kerja atau beban mereka dan untuk pemboleh ubah ini terdapat 2 aspek tambahan yang akan dinilai iaitu Tahap Persediaan Guru (TPG) dan Kekerapan Penggunaan (KP) TMK. Pada masa yang sama terdapat satu mediator iaitu sikap guru (SG) dan satu moderator iaitu Perbezaan penerimaan TMK antara bandar dengan luar bandar. Akhirnya Tingkah Laku (TL) guru dalam menggunakan TMK menjadi pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini.

1.10 Definisi Operasional

1.10.1 Guru

- Menurut kajian ini Guru Bahasa Tamil ialah individu yang mengajar subjek Bahasa Tamil di sekolah rendah Tamil serta mengendalikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.



1.10.2 Alat Bantu Mengajar (ABM)

- ABM dalam kajian ini ialah aplikasi teknologi komputer dan teknologi ini digunakan oleh guru Bahasa Tamil untuk mengendalikan pengajaran Bahasa Tamil di dalam kelas.

1.10.3 Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- Teknologi Maklumat dan Komunikasi terutamanya aplikasi sosial, komputer, internet dan platform pembelajaran yang digunakan oleh guru Bahasa Tamil dalam mengendalikan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di dalam kelas.

1.10.4 Sikap

- Sikap positif atau negatif guru Bahasa Tamil terhadap pengendalian pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK).

1.10.5 Tingkah Laku

- Tingkah Laku guru Bahasa Tamil terhadap pengendalian pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK).

1.10.6 Tanggapan Kebergunaan (TK)

- Dalam kajian ini, Tanggapan Kebergunaan (TK) didefinisikan sebagai darjah kepercayaan penguasaan guru Bahasa Tamil dalam mengendalikan pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK).

1.10.7 Tanggapan Mudah Guna (TMG)

- Dalam kajian ini Tanggapan Mudah Guna (TMG) didefinisikan sebagai darjah persediaan dan kepenggunaan guru Bahasa Tamil terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil menggunakan Teknologi Maklumat dan

Komunikasi (TMK).

1.11 Kesimpulan

Bab ini membahaskan pengenalan dan jurang penyelidikan yang berkaitan dengan penggunaan Teknologi Maklumat dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas. Bab ini menghuraikan gambaran dan status terkini amalan bentuk Teknologi Maklumat dalam PdPc Bahasa Tamil di dalam kelas, pernyataan masalah, soalan penyelidikan, objektif penyelidikan, kepentingan kajian, skop kajian, takrif istilah, dan penyusunan kertas kerja. Semua maklumat itu memberikan pandangan menyeluruh dan padat kepada pembaca mengenai objektif kajian ini.